

خاتن : منوروت مذهب ستافي



KHATAN:

**Menurut
Mazhab Syafi'e**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



KHATAN :
Menurut Mazhab Syafi'e

Susunan
Bahagian Kajian dan Penerbitan
Pusat Da'wah Islamiah

Terbitan
Pusat Da'wah Islamiah
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam
1428H/2007M

Cetakan Pertama 2007
@Hak Cipta Terpelihara

Semua hak terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini, disimpan dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada

Pengarah Pusat Da'wah Islamiah
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

Penyelaras, Aturhuruf dan Hiasan Kulit
Unit Penerbitan dan Percetakan
Bahagian Kajian dan Penerbitan
Pusat Da'wah Islamiah

ISI KANDUNGAN

Prakata	i
Pendahuluan	1
Pengertian Khatan	2
Khatan Syari'at Islam	2
Sejarah Khatan	4
Hadis-Hadis Mengenai Khatan	10
Hukum Lelaki Dan Perempuan Berkhatan	12
Fatwa Mufti Kerajaan Mengenai Khatan Perempuan	16
Kaifiyah (Cara) Berkhatan Lelaki Dan Perempuan	
• Cara Berkhatan Bagi Lelaki	17
• Cara Berkhatan Bagi Perempuan	18
Masa / Waktu Berkhatan	20
Kenduri Khatan	22
Meninggal Dunia Sebelum Khatan	23
Anak Damit Yang Telah Khatan Sejak Lahir	24
Hukum Meninggalkan Berkhatan	24
Hikmat Dan Rahsia Berkhatan	24
Penutup	26
Bibliografi	27

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف
الأنبياء والمرسلين وعلى اله وصحبه أجمعين

Alhamdulillah, kita panjatkan syukur ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua Pusat Da'wah Islamiah telah dapat menerbitkan sebuah buku yang bertajuk **KHATAN: Menurut Mazhab Syafi'e**, iaitu khusus bagi sambutan Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam tahun 1428 Hijriah / 2007 Masihi.

Islam mengajarkan betapa pentingnya kesihatan dan kebersihan dengan bersandarkan kepada *uswah* atau contoh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam Muslim bahawa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda yang bermaksud: "*Kebersihan itu adalah sebahagian dari iman.*"

Dalam ajaran Islam, khitan atau khatan sudah merupakan suatu anjuran yang dibawa oleh Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam sebagai kelanjutan dari ajaran Nabi Ibrahim 'alaihissalam pada ketika itu.

Maka dengan terbitnya buku ini, diharap ianya akan dapat dimanfaatkan oleh para pembaca sebagai panduan dan bahan rujukan yang berguna kepada kita semua.

Akhirnya diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada penulis buku ini iaitu Dayang Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh yang telah berjaya menulis buku ini dengan baiknya dan kepada pegawai-pegawai Bahagian Kajian dan Penerbitan Pusat Da'wah Islamiah serta kepada sesiapa jua yang terlibat sehingga buku ini berjaya dilaksanakan.

Semoga Allah subhanahu wa ta'ala memberkati usaha yang berkebakikan lagi bermanfaat ini dan mudah-mudahan buku ini dapat dijadikan sebagai panduan dan penambah ilmu semata-mata untuk menegakkan syiar Islam.

DAYANG HAJAH HASNAH BINTI HAJI OMAR
Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah

19 Rabiulawal 1428H
7 April 2007

KHATAN : Menurut Mazhab Syafi'e

Pendahuluan

Berkhatan dalam tradisi orang Melayu sudah menjadi satu budaya. Lazimnya keluarga muslim di negara kita akan mengkhatankan anak lelaki mereka pada umur enam hingga dua belas tahun, sementara anak perempuan pula dikhatankan semasa mereka kecil lagi. Berkhatan termasuk amalan yang telah disyariatkan oleh Allah subhanahu wa ta'ala terhadap hambanya.

Dengan berkhatan kita didedahkan dengan kesihatan dan kebersihan badan terutama kebersihan alat kelamin. Justeru itu, khatan merupakan salah satu dari pendidikan dalam Islam.

Agama Islam telah mendidik umatnya tentang kebersihan sebagaimana anjuran Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bahawa kebersihan itu adalah sebahagian daripada iman. Allah subhanahu wa ta'ala berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 222:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri"

Pengertian Khatan

Khatan bermaksud memotong keseluruhan kulit yang menutupi kepala zakar (*hasyafah*) lelaki sehingga semua bahagian itu menjadi terdedah. Sementara bagi wanita pula adalah memotong sedikit bahagian kulit yang terdapat di bahagian sebelah atas faraj perempuan.¹

Khatan berasal dari perkataan Arab *khatana - yakhtanu-khatnan* iaitu memotong. Menurut al-Mawardi, khatan bagi lelaki adalah memotong kulit yang menutupi hujung zakar sehingga menjadi terbuka sementara khatan bagi perempuan adalah membuang bahagian dalam faraj iaitu gumpalan jaringan kecil yang terdapat pada hujung vulva pada bahagian atas kemaluan wanita. Khatan bagi lelaki dipanggil *i'zar* dan khatan bagi wanita pula dipanggil *khifad*.²

Menurut Kamus Dewan pula khatan ialah sunat (memotong kulup). Berkhatan ialah bersunat, bersuci dan potong kulup.³

Khatan Syari'at Islam

Berkhatan termasuk di antara amalan yang telah disyari'atkan oleh Allah subhanahu wa ta'ala terhadap hamba-Nya. Syari'at berkhatan telah diperintahkan kepada Nabi Ibrahim 'alaihissalam. Oleh itu, Nabi shallallahu 'alaihi wasallam juga diperintahkan oleh Allah Ta'ala menurut agama Nabi

¹ Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu 1/306

² Ensiklopedi Hukum Islam Jld.3

³ Kamus dewan edisi ketiga

Ibrahim 'alaihissalam sesuai dengan firman Allah subhanahu wa ta'ala dalam surah an-Nahl ayat 123:

ثُمَّ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ أَنْ اتَّبِعْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Tafsirnya:

“Kemudian kami wahyukan kepadamu (Wahai Muhammad): Hendaklah engkau menurut agama Nabi Ibrahim, yang berdiri teguh di atas jalan yang benar; dan tiadalah ia dari orang-orang yang musyrik”.

Khatan juga sebagai pelengkap fitrah yang telah dianugerahkan oleh Allah kepada hamba-Nya. Dalam hal ini Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

الْفِطْرَةُ خَمْسٌ أَوْ خَمْسٌ مِنَ الْفِطْرَةِ - الْخِتَانُ،
وَالْإِسْتِحْدَادُ، وَتَقْلِيمُ الْأَظْفَارِ، وَتَنْفُؤُ الْإِبْطِ، وَقَصُّ الشَّارِبِ
(رواه الإمام مسلم)

Maksudnya:

“Fitrah (sifat semulajadi) itu lima perkara: Berkhatan, mencukur bulu ari-ari, memotong kuku, mencabut bulu ketiak dan menggunting misai.”

(Riwayat al-Imam Muslim)

Dalam riwayat yang lain, Aisyah radhiallahu 'anha menceritakan:

قَالَتْ إِذَا التَّقَى الْخَتَانَانَ فَقَدْ وَجِبَ الْعُسْلُ فَعَلْتُهُ أَنَا
وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاعْتَسَلْنَا

(رواه الإمام ابن ماجة)

Maksudnya:

“Katanya (Aisyah): Apabila bertemu dua khitan (zakar dan faraj) maka wajiblah mandi. Begitulah aku dan Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam membuatnya, lalu kami mandi”.

(Riwayat al-Imam Ibnu Majah)

Sejarah Khatan

Telah dijelaskan bahwa khatan adalah salah satu dari lima perkara fitrah, yaitu di samping membuang bulu ari-ari, mencabut bulu ketiak, menggunting misai dan memotong kuku. Tujuannya adalah untuk membersihkan zahir manusia. Khatan merupakan amalan yang dilakukan sejak dari 6,000 tahun dahulu iaitu pada zaman Nabi Ibrahim ‘alaihissalam.

Dari Abu Hurairah radhiallahu ‘anhu, Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

اخْتَنَّ إِبْرَاهِيمُ عَلَيْهِ السَّلَامُ وَهُوَ ابْنُ ثَمَانِينَ سَنَةً بِالْقَدُومِ

(رواه الإمام البخاري)

Maksudnya:

“Berkhatan Nabi Ibrahim ‘alaihissalam ketika baginda berumur lapan puluh tahun dengan alat Qadum.”

(Riwayat al-Imam al-Bukhari)

Ulama berselisih pendapat mengenai al-Qadum. Sebahagian ulama mengatakan al-Qadum adalah sebuah tempat atau perkampungan. Menurut Ibnu Qayyim pula al-Qadum ialah alat. Inilah pendapat yang sahih menurut Ibnu Qayyim.⁴

Riwayat dari Said Bin Musayyab menyatakan bahawa Nabi Ibrahim 'alaihissalam adalah orang yang pertama melakukan khatan. Perkara ini dinyatakan dalam satu riwayat, beliau berkata:

كَانَ إِبْرَاهِيمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوَّلَ النَّاسِ ضَافَ
الضَّيْفَ وَأَوَّلَ النَّاسِ اخْتَنَّ ، وَأَوَّلَ النَّاسِ قَصَّ شَارِبُهُ ،
وَأَوَّلَ النَّاسِ رَأَى الشَّيْبَ ، فَقَالَ: يَا رَبُّ ، مَا هَذَا؟ فَقَالَ
اللَّهُ: وَقَارُ يَا إِبْرَاهِيمُ ، فَقَالَ: يَا رَبُّ ، زِدْنِي وَقَارًا
(رواه الإمام مالك)

Maksudnya:

“Nabi Ibrahim ‘alaihissalam adalah manusia pertama yang menjamu tetamu, dan manusia pertama yang berkhatan, manusia pertama yang menggunting misai, manusia pertama yang melihat uban, lalu baginda berkata: Wahai Tuhan! Apa ini? Lalu Allah Yang Maha Berkat lagi Maha Tinggi berfirman: “Ketenangan wahai Ibrahim” Lalu baginda berkata lagi: “Wahai Tuhan! Tambahkan lah ketenanganku”

(Riwayat al-Imam Malik)

⁴ Tuhfah al-Maudud bi Ahkam al-Maulud, hlm.96

Riwayat di atas membuktikan bahawa Nabi Ibrahim 'alaihissalam adalah manusia pertama melakukan khatan. Amalan ini kemudiannya diikuti oleh para nabi berikutnya sehinggalah ke zaman Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam, dan seterusnya diamalkan di kalangan umat Islam sekarang.

Perkara ini juga bertepatan dengan apa yang diceritakan oleh Ibnu an-Nathur bahawa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dan kaum baginda telah berkhatan. Ibnu an-Nathur adalah seorang pembesar negeri Iliya dan sahabat Heraclius dan menjadi Uskup (kepala pendeta) Nasrani di Syam, beliau menceritakan:

وَكَانَ هِرَقْلُ حَزَاءً يَنْظُرُ فِي النُّجُومِ، فَقَالَ لَهُمْ حِينَ سَأَلُوهُ:
إِنِّي رَأَيْتُ اللَّيْلَةَ حِينَ نَظَرْتُ فِي النُّجُومِ مَلِكَ الْخِتَانِ قَدْ
ظَهَرَ، فَمَنْ يَخْتَتِنُ مِنْ هَذِهِ الْأُمَّةِ؟ قَالُوا: لَيْسَ يَخْتَتِنُ إِلَّا
الْيَهُودُ، فَلَا يُهَمُّكَ شَأْنُهُمْ، وَآكُتُبُ إِلَى مَدَائِنِ مُلْكِكَ
فَيَقْتُلُوا مَنْ فِيهِمْ مِنَ الْيَهُودِ. فَبَيْنَمَا هُمْ عَلَى أَمْرِهِمْ أَتَى
هِرَقْلُ بِرَجُلٍ أَرْسَلَ بِهِ مَلِكُ غَسَّانَ يُخْبِرُ عَنْ خَبَرِ رَسُولِ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَلَمَّا اسْتَخْبَرَهُ هِرَقْلُ قَالَ: اذْهَبُوا

فَانظُرُوا أَمْحَتَيْنِ هُوَ أَمْ لَا؟ فَانظُرُوا إِلَيْهِ، فَحَدَّثُوهُ أَنَّهُ
مُحْتَتِنٌ، وَسَأَلَهُ عَنِ الْعَرَبِ فَقَالَ: هُمْ يَحْتَتُونَ. فَقَالَ هِرَقْلُ:
هَذَا مَلِكُ هَذِهِ الْأُمَّةِ قَدْ ظَهَرَ. ثُمَّ كَتَبَ هِرَقْلُ إِلَى صَاحِبِ
لَهُ بِرُومِيَّةٍ، وَكَانَ نَظِيرُهُ فِي الْعِلْمِ. وَسَارَ هِرَقْلُ إِلَى
حِمَصَ، فَلَمَّ يَرِمُ حِمَصَ حَتَّى أَتَاهُ كِتَابٌ مِنْ صَاحِبِهِ
يُؤَافِقُ رَأْيَ هِرَقْلٍ عَلَى خُرُوجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَأَنَّهُ نَبِيٌّ. فَأَذِنَ هِرَقْلُ لِعُظَمَاءِ الرُّومِ فِي دَسْكَرَةِ لَهُ بِحِمَصَ،
ثُمَّ أَمَرَ بِأَبْوَابِهَا فَعُلِّقَتْ، ثُمَّ أَطْلَعَ فَقَالَ: يَا مَعْشَرَ الرُّومِ،
هَلْ لَكُمْ فِي الْفَلَاحِ وَالرُّشْدِ وَأَنْ يَثْبِتَ مُلْكَكُمْ فَتَبَايَعُوا
هَذَا النَّبِيَّ؟ فَحَاصُوا حَيْصَةَ حُمُرِ الْوَحْشِ إِلَى الْأَبْوَابِ
فَوَجَدُوهَا قَدْ عُلِّقَتْ، فَلَمَّا رَأَى هِرَقْلُ نَفَرَتَهُمْ وَأَيْسَ
مِنَ الْإِيمَانِ قَالَ: رُدُّوهُمْ عَلَيَّ. وَقَالَ: إِنِّي قُلْتُ مَقَالَتِي
أَنفَأُخْتَبَرُ بِهَا شِدَّتُكُمْ عَلَى دِينِكُمْ، فَقَدْ رَأَيْتُ. فَسَجَدُوا
لَهُ وَرَضُوا عَنْهُ، فَكَانَ ذَلِكَ آخِرَ شَأْنِ هِرَقْلٍ. رَوَاهُ
صَالِحُ بْنُ كَيْسَانَ وَيُونُسُ وَمَعْمَرٌ عَنِ الرَّهْرِيِّ

(رواه الإمام البخاري)

Maksudnya:

"Ibnu an-Nathur berkata: "Heraclius adalah seorang ahli nujum yang selalu memperhatikan perjalanan bintang-bintang. Dia pernah menjawab pertanyaan para pendeta yang bertanya kepadanya: "Pada suatu malam ketika saya mengamati perjalanan bintang-bintang, saya melihat Raja Khatan telah lahir. Siapakah di antara umat ini yang telah berkhatan?" Para pendeta menjawab: "Yang berkhatan hanyalah orang Yahudi. Janganlah engkau risau kerana orang Yahudi itu. Perintahkan sahaja ke seluruh negeri dalam kerajaan engkau, supaya orang-orang Yahudi di negeri itu dibunuh". Ketika itu dihadapkan kepada Heraclius seorang utusan Raja Ghassan untuk menceritakan perihal Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Setelah orang itu selesai bercerita, lalu Heraclius memerintahkan agar dia diperiksa, apakah dia berkhatan atau tidak. Setelah diperiksa, ternyata dia berkhatan. Lalu diberitahukan orang kepada Heraclius. Heraclius bertanya kepada orang itu tentang orang-orang Arab yang lain, "Dikhatankah mereka atau tidak?" Jawabnya: "Orang-orang Arab itu dikhatan semuanya". Heraclius berkata: "Inilah Raja umat. Sesungguhnya dia telah lahir". Kemudian Heraclius mengirim surat kepada seorang sahabatnya di Rom, yang ilmunya setaraf dengan Heraclius (menceritakan tentang kelahiran Nabi Muhammad). Dan sementara itu dia meneruskan perjalanannya ke negeri Hams. Tetapi sebelum dia sampai di Hams, balasan surat dari sahabatnya itu telah tiba lebih dahulu. Sahabatnya itu bersetuju pendapat Heraclius bahawa Nabi Muhammad telah lahir dan baginda memang seorang Nabi. Heraclius mengundang para pembesar Rom supaya datang ke tempatnya di Hams. Setelah semuanya hadir dalam majlisnya,

Heraclius memerintahkan supaya setiap pintu dikunci. Kemudian dia berkata: "Wahai bangsa Rom! Mahukah kamu semua beroleh kemenangan dan kemajuan yang gemilang, sedangkan kerajaan tetap utuh di tangan kita? Kalau mahu, akuilah Muhammad itu sebagai Nabi". Mendengar ucapan itu mereka lari bagaikan keldai liar, padahal semua pintu telah dikunci. Melihat keadaan demikian, Heraclius jadi putus harapan yang mereka akan beriman (percaya kepada Nabi Muhammad). Lalu diperintahkannya supaya mereka kembali ke tempat mereka masing-masing seraya berkata: "Sesungguhnya saya mengucapkan perkataan saya tadi, hanyalah sekadar menguji keteguhan hati kamu semua. Kini saya telah melihat keteguhan itu". Lalu mereka sujud di hadapan Heraclius dan mereka senang kepadanya. Demikianlah akhir kisah Heraclius yang diriwayatkan oleh Sallih bin Kaisan, Yunus dan Ma'mar daripada az-Zuhri."

(Riwayat al-Imam al-Bukhari)

Menurut beberapa riwayat yang lain, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam juga berkhatan. Ada pendapat mengatakan bahawa baginda dilahirkan dalam keadaan sudah berkhatan. Sebahagian ulama mengatakan bahawa baginda dikhatankan oleh Malaikat Jibril semasa membelah dadanya. Seterusnya ada pula yang mengatakan bahawa baginda telah dikhatankan oleh datuknya Abdul Mutallib pada hari ketujuh selepas kelahirannya⁵. Dalam pada itu, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam sendiri telah mengkhatankan cucunya Hasan dan Husain pada hari ketujuh dari kelahiran mereka.

⁵ Tuhfah Al-Maudud bi al-ahkam al-maulud hlm.121-125

Manakala khatan bagi wanita pula telah mula diamalkan pada zaman Nabi Ibrahim. Menurut kitab *Tuhfah al-Maudud bi Ahkam al-Maulud* karangan Ibnu Qayyim bahawa isteri Nabi Ibrahim 'alaihissalam iaitu Sarah telah dikhatankan. Diriwayatkan, apabila Hajar mengandung, Sarah merasa cemburu, lalu bersumpah hendak memotong tiga dari anggotanya sendiri. Nabi Ibrahim bimbang Sarah akan memotong hidung dan telinganya. Lalu Baginda menyuruh dilubangkan kedua-dua telinga Sarah dan dikhatankan. Kemudian amalan itu menjadi sunnah bagi wanita.⁶

Berdasarkan kenyataan di atas, khatan bukan sahaja sebahagian daripada adat dan tradisi bangsa Arab, bahkan ia suatu perkara yang diwariskan dari Nabi Ibrahim 'alaihissalam. Oleh kerana itu, bangsa Arab pada zaman tersebut akan mengejek sesiapa yang belum berkhatan melalui syair-syair mereka disamping membanggakan diri sebagai bangsa yang berkhatan.

Hadis-Hadis Mengenai Khatan

1. Dari Abu 'Uwanah dari Abu Bisr daripada Talq bin Habib katanya:

عَشْرَةٌ مِنَ السُّنَّةِ : السَّوَالُ، وَقَصُّ الشَّارِبِ، وَالْمَضْمَضَةُ،
وَالِاسْتِنْشَاقُ، وَتَوْفِيرُ اللَّحْيَةِ، وَقَصُّ الْأَظْفَارِ، وَتَنْفُ
الْإِبْطِ، وَالْخِتَانُ، وَحَلْقُ الْعَائَةِ، وَغَسْلُ الدُّبْرِ

(رواه الإمام النسائي)

⁶ Tuhfah Al-Maudud bi al-ahkam al-maulud hlm.115-116

Maksudnya:

“Sepuluh perkara daripada sunnah (Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam) iaitu: bersiwak (menggosok gigi), menggunting misai, berkumur-kumur, membersihkan hidung dengan air, berjanggut, memotong kuku, mencabut bulu ketiak, berkhatan, memotong bulu ari-ari, dan membasuh dubur (beristinja)”.

(Riwayat al-Imam an-Nasa’ie)

2. Abu Hürairah radhiallahu ‘anhu meriwayatkan bahawa beliau mendengar Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

الْفِطْرَةُ خَمْسٌ : الْخِتَانُ، وَالْإِسْتِحْدَادُ، وَقَصُّ الشَّارِبِ،
وَتَقْلِيمُ الْأَظْفَارِ، وَتَنْفُؤُ الْأَبَاطِ

(رواه الإمام البخاري)

Maksudnya :

“Fitrah itu lima, iaitu khatan, menggunting bulu ari-ari, menggunting misai, memotong kuku dan mencabut bulu ketiak”

(Riwayat al-Imam al-Bukhari)

3. Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

أَلْقِ عَنْكَ شَعْرَ الْكُفْرِ وَاحْتَتِنِ

(رواه الإمام أبو داود)

Maksudnya :

“Saya telah memeluk agama Islam”. Maka sahut Baginda: “Bersihkan dirimu dari rambut kufur, dan berkhatanlah”

(Riwayat al-Imam Abu Daud)

Hukum Lelaki Dan Wanita Berkhatan

Menurut kitab *al-Majmu'* dan kitab *Hawasyi Tuhfah al-Muhtaj*, berkhatan wajib ke atas lelaki dan perempuan yang dilahirkan tanpa berkhatan⁷. Ini berdasarkan kepada firman Allah subhanahu wa ta'ala dalam surah an-Nahl ayat 123:

ثُمَّ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ أَنْ اتَّبِعْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا

Tafsirnya:

“Kemudian Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad): Hendaklah engkau menurut agama Nabi Ibrahim, yang berdiri teguh di atas jalan yang benar.”

Dalam ayat ini, Allah subhanahu wa ta'ala memerintahkan Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam supaya mengikut ajaran-ajaran agama Nabi Ibrahim 'alaihissalam, dan di antara ajaran-ajaran Nabi Ibrahim 'alaihissalam itu ialah berkhatan. Perkara ini jelas dikuatkan lagi dengan perbuatan Nabi Ibrahim 'alaihissalam itu sendiri yang mengkhatakan dirinya ketika berumur lapan puluh tahun,

⁷ Al-Majmuk, bab as-Siwak: 1/365-367 & Hawasyi Tuhfah al-Muhtaj: kitab as-Sayal: 9/198

sebagaimana riwayat Abu Hurairah radhiallahu 'anhu, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

اخْتَتَنَ إِبْرَاهِيمُ عَلَيْهِ السَّلَامُ، وَهُوَ ابْنُ ثَمَانِينَ سَنَةً، بِالْقَدُومِ
(رواه الإمام البخاري)

Maksudnya:

“Berkhatan Nabi Ibrahim ‘alaihissalam ketika baginda berumur lapan puluh tahun dengan alat Qadum.”

(Riwayat al-Imam al-Bukhari)

Menurut kitab *Syarah al-Muhadzab*, ulama berkata, salah satu perkara dalam agama Nabi Ibrahim 'alaihissalam ialah berkhatan. Berkhatan itu adalah wajib dalam agamanya.⁸

Walau bagaimanapun, sebahagian ulama mengatakan, ayat al-Qur'an (surah an-Nahl ayat 123) di atas tidak menunjukkan adanya kewajipan berkhatan. Menurut ulama Syafi'e, jika berkhatan itu tidak wajib, nescaya tidaklah diharuskan membuka aurat ketika berkhatan dan tidaklah diharuskan tukang khatan melihat aurat orang yang dikhatan, kerana kedua-duanya itu adalah haram. Jadi apabila kedua-dua yang diharamkan itu diharuskan bagi tujuan berkhatan, ini menunjukkan bahawa berkhatan itu hukumnya adalah wajib bagi lelaki dan wanita tanpa ada perbezaan.

Asy-Syirazi dan al-Ghazali (kedua-duanya dari ulama mazhab asy-Syafi'e) pula mengatakan bahawa berkhatan

⁸ Ibid

itu ialah dengan memotong anggota yang sejahtera. Jika berkhatan itu tidak wajib, nescaya tidaklah boleh memotongnya (memotong selaput kulit zakar) sebagaimana tidak boleh memotong jari yang sejahtera, melainkan jika dijatuhkan qisas.⁹

Di antara perkataan ulama asy-Syafi'e mengenai hukum wajib berkhatan itu ialah;

1. Dalam kitab *al-Majmuk*¹⁰ menyebutkan bahawa berkhatan itu wajib bagi lelaki dan perempuan:

وَالْمَذْهَبُ الصَّحِيحُ وَالْمَشْهُورُ الَّذِي نَصَّ عَلَيْهِ
الشَّافِعِيُّ رَحِمَهُ اللهُ تَعَالَى وَقَطَعَ بِهِ الْجُمْهُورُ: أَنَّهُ
وَاجِبٌ عَلَى الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ

Ertinya:

“Dan mazhab (pendapat) yang sah dan masyhur yang dinaskan oleh Imam asy-Syafie rahimahullah dan diputuskan dengannya oleh Jumhur: “Bahawa berkhatan itu wajib ke atas lelaki dan perempuan”

2. Imam an-Nawawi rahimahullahu Ta'ala dalam kitabnya *Minhaj al-Talibin* menyatakan:

وَيَجِبُ خِتَانُ الْمَرْأَةِ بِجُزْءٍ مِنَ اللَّحْمَةِ بِأَعْلَى الْفَرْجِ

⁹ Al-Majmuk: 1/366

¹⁰ Al-Majmuk: 1/366-367

Maksudnya:

“Dan wajib berkhatan atas perempuan dengan (Memotong) sedikit daripada daging yang ada di atas faraj”¹¹.

3. Imam Khatib asy-Syarbini ketika menghuraikan kata-kata Imam an-Nawawi di atas:

وَيَجِبُ حَتَانُ الْمَرْأَةِ بِحُزْمٍ أَيْ قِطْعَةٍ مِنَ اللَّحْمَةِ
الْكَائِنَةِ بِأَعْلَى الْفَرْجِ وَهِيَ فَوْقَ ثُقْبَةِ الْبَوْلِ تُشَبَّهُ عُرْفَ
الدَّيِّكِ، فَإِذَا قُطِعَتْ بَقِيَ أَصْلُهَا كَالنَّوَاءِ وَيَكْفِي قُطْعَ مَا
يَقَعُ عَلَيْهِ الْإِسْمُ .. وَتَقْلِيلُهُ أَفْضَلُ ...

Maksudnya:

“ Dan wajib berkhatan atas perempuan dengan memotong sedikit daripada daging yang di atas faraj, dan ia terletak di atas tempat keluarnya air kencing yang bentuknya seperti pial (Balung atau Jambul) ayam jantan. Maka jika ia dipotong, akan tinggal yang asalnya seperti biji kurma, dan memadailah dipotong apa yang dinamakan itu (Daging yang bentuknya seperti pial ayam jantan)..... Dan (memotong) sedikit daging tersebut adalah afdal...”¹²

3. Dalam matan kitab *l'anat ath-Thalibin*¹³ menyatakan:

وَوَجِبَ حَتَانُ لِلْمَرْأَةِ وَالرَّجُلِ حَيْثُ لَمْ يُوَلِّدَا مَخْتَوَيْنِ

¹¹ Minhaj al-Talibin 3/254

¹² Mughni Al-Muhtaj 5/539

¹³ Kitab l'anat ath-Thalibin: 4/265

¹⁴ Hawasyi Tuhfah Al-Muhtaj 9/248-249

Ertinya:

“Dan wajib berkhatan bagi perempuan dan lelaki ketika dilahirkan tidak berkhatan”

4. Dalam kitab *Hawasyi Tuhfah Al-Muhtaj* juga ada menyebutkan bahawa berkhatan itu wajib bagi perempuan dan lelaki yang dilahirkan tanpa berkhatan, dan wajib berkhatan bagi wanita itu ialah dengan memotong sedikit daripada daging yang ada di atas faraj yang bentuknya seakan-akan jambul di kepala ayam jantan yang dinamakan *al-Bazhr*. Memotong sedikit daripada daging tersebut (*al-Bazhr*) adalah lebih afdhal¹⁴

Oleh itu, hukum berkhatan menurut mazhab asy-Syafi'e adalah wajib sama ada bagi lelaki ataupun perempuan yang sudah baligh. Inilah pendapat yang sahih dan masyhur.

Fatwa Mufti Kerajaan Mengenai Khatan Perempuan

Perkara mengenai hukum berkhatan ini juga telah difatwakan oleh bekas Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, iaitu Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Ismail bin Umar Abdul Aziz. Antara fatwa Yang Dimuliakan Pehin itu:

“Berkhatan itu adalah wajib pada orang yang mukallaf lelaki dan perempuan lagi ia boleh menanggung kerja khitan itu dilakukan ke atasnya...”¹⁵

¹⁵ Fatwa Siri 2/67

Seterusnya, Yang Dimuliakan Pehin berfatwa:

"Khatan laki-laki atau perempuan yang diberanakkan dengan tiada berkhatan, hendaklah dan wajiblah dikhatankan, bila mereka telah baligh dan ber'aqal, kerana tiada ada taklif dan tiada bergantung perintah dan larangan Allah sebelum baligh dan ber'aqal. Dan wajib disegerakan selepas baligh dan ber'aqal.

Maka yang wajib pada khatan laki-laki memotong kulit yang menutup hasyafah kepala dzakar supaya tersilak segala kepala dzakar. Dan khatan perempuan memotong satu suku daripada apa yang dinamakan dari daging yang ada di atas bahagian faraj di atas lubang kencing seakan-akan jambul ayam jantan"¹⁶.

Berdasarkan fatwa di atas, kita di Negara Brunei Darussalam telah melakukan khatan ke atas lelaki dan perempuan. Khatan dilakukan bukanlah sebagai tradisi malahan sebagai tuntutan agama yang wajib dilaksanakan sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah subhanahu wa ta'ala dan Rasul-Nya.

Kaifiyah (Cara) Berkhatan Bagi Lelaki Dan Perempuan

- Cara Berkhatan Bagi Lelaki

Menurut Imam an-Nawawi rahimahullah, cara berkhatan yang wajib bagi lelaki itu ialah dengan memotong selaput kulit

¹⁶ Fatwa Siri 68/89

yang menutupi kepala zakar sehingga nampak (terdedah) kepala zakar itu keseluruhannya. Jika dipotong sebahagian sahaja daripada selaput kulit itu, wajib dipotong bakinya sekali lagi¹⁷. Inilah pendapat yang sah di kalangan mazhab asy-Syafi'e.

- Cara Berkhatan Bagi Perempuan

Pada zaman Firaun, ada bermacam-macam cara yang pernah dilakukan dalam masalah berkhifad (berkhatan perempuan) ini, antaranya ada yang menjahit dua tepi faraj yang kecil tanpa menghilangkan bahagian apapun. Tujuannya adalah untuk mempersempitkan terbukanya vagina. Ada pula cara dengan terlebih dahulu menghilangkan biji kemaluan perempuan, lalu menjahit kedua tepi farajnya, sehingga vagina tidak dapat terbuka dan yang ada hanya lubang kecil di bawah sebagai tempat keluarnya air kencing dan darah haid.

Cara dan teknik berkhatan yang sedemikian adalah menyakitkan, membahayakan perempuan dan boleh menyebabkan kematian. Perkara ini juga boleh menimbulkan penyakit yang berpanjangan pada saluran air kencing, kerosakan dan kecacatan faraj, dan boleh menyebabkan ketumbuhan dalam tubuh perempuan. Cara dan teknik ini adalah dilarang dalam agama Islam.

Maka Islam telah mengatur cara yang terbaik bagi melakukan khatan khususnya kepada perempuan iaitu dengan memotong daging yang ada di sebelah atas faraj yang seakan-akan bonggolan atau jambul di kepala ayam jantan.

¹⁷ Al-Majmuk, bab as-Siwak: 1/367

Yang lebih afdhal ialah dengan memotong sedikit sahaja dari daging itu¹⁸. Maka cara memotongnya tidak boleh berlebihan dan jangan memotong semua bahagian. Ini berdasarkan kepada sebuah hadis daripada Anas bin Malik bahawa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menegur Ummu 'Athiah radhiallahu 'anha dengan bersabda:

إِذَا خَفَضْتَ فَأَشْمِي وَلَا تَنْهَكِي، فَإِنَّهُ أَسْرَى لِلْوَجْهِ،
وَأَحْظَى عِنْدَ الزَّوْجِ

(رواه الإمام الطبراني)

Maksudnya:

“Apabila engkau mengkhatan maka khatanlah (dengan memotong sebahagian al-bazhr) dan jangan engkau berlebih-lebihan (dalam memotong), kerana yang demikian itu menjernihkan air muka perempuan dan mendatangkan kesukaan kepada suami (boleh menambah kelazatan bersetubuh).”

(Riwayat al-Imam at-Tabarani)

Berdasarkan anjuran Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam itu, pelaksanaan berkhatan bagi anak perempuan sebaiknya dilakukan oleh mereka yang pakar seperti doktor perempuan. Dengan itu, para doktor dapat melaksanakan khatan sesuai dengan petunjuk Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam di atas, lebih-lebih lagi bagi mengelakkan daripada berlakunya jangkitan, kecederaan dan kerosakan kelamin.

¹⁸ Ibid

Masa / Waktu Berkhatan

Masa yang wajib melakukan khatan ialah selepas baligh dan berakal. Namun begitu adalah sunat dan digalakkan kepada ibu bapa mengkhatan mereka ketika masih kecil kerana ia lebih memberi manfaat kepada mereka.

Menurut Imam an-Nawawi rahimahullah di dalam kitab *al-Majmuk*¹⁹ menyatakan:

قَالَ أَصْحَابُنَا: وَقْتُ وُجُوبِ الْخِتَانِ بَعْدَ الْبُلُوغِ، لَكِنْ يُسْتَحَبُّ لِلْوَالِي أَنْ يَخْتِنَ الصَّغِيرَ فِي صِعْرِهِ لِأَنَّهُ أَرْفَقُ بِهِ

Ertinya:

“Telah berkata sahabat-sahabat kami: “Adalah waktu yang wajib berkhatan itu selepas baligh, tetapi disunatkan (mustahab) bagi wali mengkhatan anaknya sewaktu kecilnya kerana ia (khatan) itu lebih memberi manfaat kepadanya”.

Berdasarkan perkataan Imam an-Nawawi rahimahullah itu, masa atau waktu yang wajib untuk berkhatan itu ialah selepas baligh dan berakal. Namun begitu adalah sunat dan digalakkan kepada ibu bapa untuk mengkhatankan anak-anak mereka ketika masih kecil lagi kerana ini lebih memberi manfaat, iaitu luka berkhatan lebih cepat sembuh dan bentuk zakar akan lebih sempurna.

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam juga mengkhatan cucu baginda selepas tujuh hari dari kelahiran, sebagaimana riwayat daripada Jabir radhiallahu 'anhu, beliau berkata:

¹⁹ Al-Majmuk, bab as-Siwak: 1/367

عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْحَسَنِ
 وَالْحُسَيْنِ وَخَتَنَهُمَا لِسَبْعَةِ أَيَّامٍ
 (أخرجه الإمام البيهقي)

Maksudnya:

“Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam telah mengaqiqahkan Hasan dan Husain dan mengkhatakan keduanya pada hari ketujuh.”

(Dikeluarkan oleh al-Imam al-Baihaqi)

Hadis di atas menjelaskan bahwa sunat dikhatankan anak pada hari ketujuh dari hari kelahirannya, melainkan jika dia lemah, atau tidak berdaya (tidak tahan) menahan kesakitan apabila dijalankan khatan ke atasnya. Maka dalam hal ini hendaklah ditangguhkan berkhatan itu sehingga dia berdaya menanggungnya, dan makruh dikhatankan anak sebelum hari ketujuh dari hari kelahirannya.²⁰

Jika tidak dapat dikhatan pada hari ketujuh, sunat dikhatan pada hari keempat puluh. Jika terlewat (tidak dikhatankan) juga, sunat dikhatankan pada ketika umurnya tujuh tahun. Dalam hal menentukan masa berkhatan ini, anak lelaki dan anak perempuan adalah sama.

Perlu ditekankan, bahawa hukum berkhatan pada masa-masa yang disebutkan sebelum ini (masa sebelum baligh) adalah sunat dan bukannya wajib. Ini adalah pendapat yang sah dan masyhur yang dipegang oleh jumhur ulama asy-Syafi'eyah.

Maka kewajipan berkhatan itu bermula dari anak itu

²⁰ Al-Majmuk, bab as-Siwak: 1/367

mencapai baligh. Dengan kata lain, apabila dia telah baligh, maka kewajipan itu berjalan dengan serta merta. Namun begitu jika orang yang sudah baligh itu lemah kejadiannya, dan ditakuti akan mendatangkan kemudharatan kepadanya jika dikhatankan, maka tidaklah harus dikhatan, bahkan hendaklah ditunggu sehingga keadaannya selamat atau mengizinkan untuk berkhatan.²¹

Berdasarkan penjelasan di atas, mazhab asy-Syafi'e menetapkan berkhatan itu dengan dua waktu iaitu waktu wajib dan waktu *mustahab* (مستحب). Waktu wajib bermula dari kanak-kanak itu baligh. Manakala waktu *mustahab* (مستحب) pula bermula sejak kecil, dan afdhal berkhatan ketika berumur tujuh tahun sebagaimana Nabi shallallahu 'alaihi wasallam mengkhatan cucunya Hasan dan Husain.

Kenduri Khatan

Sunat mengadakan *walimah al-khatan* (kenduri khatan), kerana ia termasuk dalam salah satu yang sunat diadakan kenduri, seperti kenduri kahwin, selepas melahirkan anak, selesai membina bangunan, orang yang terkena musibah, orang yang balik daripada musafir dan kenduri kerana hafaz dan khatam al-Qur'an.²²

Menurut al-Adzra'ie, bahawa hukum sunat mengadakan kenduri pengkhatan itu adalah bagi pengkhatan lelaki dan bukan untuk pengkhatan perempuan, kerana pengkhatan bagi perempuan itu sunat disembunyikan dan menjadi hal yang memalukan jika berterang-terangan. Menurut beliau lagi, diihtimalkan juga hukum sunat

²¹ Al-Majmuk, bab as-Siwak: 1/367-369

²² Raudhah at-Thalibin: 5/646

mengadakan kenduri bagi pengkhatanan perempuan itu, (kenduri atau majlisnya) hanyalah khusus bagi sesama perempuan sahaja.²³

Meninggal Dunia Sebelum Berkhatan

Jika seseorang itu meninggal dunia sedang dia belum lagi berkhatan, maka menurut pendapat yang sah jangan dikhatan si mati tersebut.²⁴ Menurut Imam an-Nawawi rahimahullah, jika seseorang itu meninggal dunia sedang dia tidak berkhatan, maka ada tiga pendapat mengenainya, iaitu:

- Tidak perlu dikhatan kerana mengkhatan bererti memberikan beban kepada si mati pada hal tidak lagi dibebankan oleh syara' terhadap orang yang mati.
- Jenazah kanak-kanak tidak perlu dikhatan sedangkan jenazah orang dewasa dikhatan.
- Jika jenazah tersebut orang yang telah baligh, wajib dikhatan, tetapi jika dia belum baligh tidak perlu dikhatan kerana hukum khatan terhadap orang baligh adalah wajib.

Dari ketiga-tiga pendapat di atas, pendapat pertama adalah pendapat yang sah dikalangan ulama Syafi'e, manakala pendapat kedua dan ketiga menurut Imam an-Nawawi adalah pendapat yang lemah.²⁵

²³ Mughni al-Muhtaj; kitab as-Shadaq: 3/245

²⁴ Al-Majmuk, bab as-Siwak: 1/369

²⁵ Ibid, 1/369

Anak Damit Yang Telah Khatan Sejak Dari Lahir

Pengikut mazhab Syafi'e berpendapat bahawa tidak wajib dan bukan sunat mengulangi mengkhatan anak damit yang dilahirkan dalam keadaan sudah berkhatan, akan tetapi jika masih ada kulup yang menutupi hasyafah, maka kulup itu wajib dipotong.²⁶

Hukum Meninggalkan Berkhatan

Dalam Islam, pensyari'atan berkhatan ke atas lelaki dan perempuan adalah suatu perkara wajib. Oleh yang demikian, sesiapa yang meninggalkan berkhatan sama ada lelaki dan perempuan adalah berdosa besar.

Pengarang kitab *Siraj at-Thalibin*, juz pertama dalam halaman 284 menyebutkan:

قَالَ الْعَلَّامَةُ ابْنُ حَجَرٍ فِي الزَّوَاجِرِ: وَتَرَكَهُ بَعْدَ الْبُلُوغِ
مِنَ الرَّجَالِ وَالْمَرْأَةِ مِنَ الْكَبَائِرِ

Ertinya:

"Telah berkata Ibnu Hajar dalam kitabnya az-Zawajir: Dan meninggalkan berkhatan selepas baligh bagi lelaki dan perempuan termasuk dalam perkara dosa-dosa besar.."

Selain itu, al-Kamal ad-Damiri ketika mensyarahkan kitab al-Minhaj pula menyatakan, lelaki yang meninggalkan khatan tanpa uzur syara' adalah fasiq.²⁷

Hikmat Dan Rahsia Berkhatan

Islam menuntut umatnya supaya berkhatan kerana terdapat beberapa hikmah, rahsia dan kelebihan yang tersendiri yang

²⁶ Ibid, 1/369

²⁷ Kitab az-Zawajir 'an Iqtiraf al-Kabair, juz 2 hal.268

tidak akan diperolehi mereka yang tidak berkhatan. Hikmah dan kelebihan itu boleh dilihat dari dua sudut iaitu sudut keagamaan dan sudut kesihatan.

Sudut keagamaan:

- i. Berkhatan merupakan tuntutan fitrah dan salah satu syi'ar Islam dan lambang syari'at.
- ii. Sebagai menyempurnakan tuntutan syara' yang berasaskan kepada sunnah Nabi Ibrahim 'alaihissalam.
- iii. Untuk membezakan antara orang-orang Islam dengan penganut-penganut agama lain. Namun begitu sekarang ini masyarakat non-muslim ada juga yang sudah melakukan khatan.
- iv. Sebagai suatu ikrar kesetiaan penghambaan terhadap Allah subhanahu wa ta'ala dengan mematuhi segala perintah-Nya dan tunduk di bawah hukum dan kekuasaan-Nya.

Sudut kesihatan:

- i. Untuk membersihkan zakar, memperelokkannya, mencantikkan bentuknya dan menambahkan kelazatan semasa hubungan kelamin.
- ii. Untuk mengawasi kesihatan tenaga batin serta memelihara diri daripada diinggapi penyakit kelamin, kanser dan lain-lain penyakit.
- iii. Menghilangkan bau busuk dan hanyir yang disebabkan oleh peluh yang terkumpul pada kulup zakar dan bahagian atas faraj (*clitoris*). Zat lemak yang dinamakan spegma adalah sangat busuk baunya.²⁸

²⁸ Anisah Ab. Ghani, Hukum Berkhatan dalam Jurnal Syariah, Jld.2 Bi.2 Julai 1994 hlm.67

- iv. Jika disegerakan khatan pada kanak-kanak dapat menghindarkannya daripada tabiat atau kebiasaan kencing malam.

Demikianlah di antara hikmah dan kelebihan yang diperolehi oleh orang-orang yang berkhatan. Dengan ini juga tergambar kepada kita akan keindahan Islam serta rahsia-rahsia di sebalik pensyari'atannya.

Penutup

Hukum berkhatan dalam mazhab Syafi'e adalah wajib atas lelaki dan perempuan. Selain itu ianya merupakan sunnah (yang diamalkan) Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan para sahabat. Di zaman Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, baginda pernah menasihatkan seorang wanita yang kerjanya mengkhatan perempuan supaya mengikut dan mengamalkan cara atau kaifiyah berkhatan yang disyari'atkan.

Menurut ilmu perubatan, berkhatan dapat menjauhkan diri dari menghidapi penyakit urat saraf dan sakit-sakit bengkak dalam saluran kencing.

Berdasarkan hasil kajian tersebut, kita dapat ketahui mengapa agama Islam memerintahkan umatnya supaya berkhatan. Pendapat ini juga menjadi penggalak dan pendorong kepada orang yang baru masuk Islam supaya segera berkhatan apabila kerja khatan telah dapat dijalankan ke atasnya dan tiada jadi mudharat kepadanya.

والله أعلم بالصواب

Bibliografi:

1. Al-Qur'an Al-Karim
2. Abu Bakar Ahmad bin al-Hussain bin Ali al-Baihaqi, **As-Sunan al-Kubra**, juz 13, Beirut: Dar al-Fikr
3. Abu Zakariya Mahyuddin bin Saraf an-Nawawi, **Al-Majmuk Syarh al-Muhadzab**, Jld .1, Beirut: Dar al-Kitab.
4. _____, **Minhaj at-Tahlibin**, Jld.3, Beirut: Dar al-Basyr al-Islamiyah
5. _____, **Shahih Muslim**, jld.2, Beirut: Maktabah Najjar Mustafa al-Baz.
6. Al-Bujirimi as-Syafi'ie, **Hasyiah al-Bujirimi Ala al-Minhaj**, Jld .4, 1369H/1950, Kaherah: Maktabah al-Bab Al-Halabi
7. Ibnu Hajr al-Asqalani, **Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari**, jld.1 & 12, Beirut: Dar al-Fikr
8. Ibnu Qayyim al-Jauziyah, **Tuhfah al-Maudud bi Ahkam al-Maulud**, 1414H/1994, Beirut: Maktabah Dar al-Bayan.
9. Al-Khatib as-Syarbini, Mughni al-Muhtaj, Juz 5, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
10. Muhammad Ali al-Bar (Dr), **al-Khitan**, 1414H/1994, Jeddah: Dar al-Manarah
11. Muhammad bin Ismail al-Bukhari, **Shahih al-Bukhari**, Beirut: Dar Ibnu Kathir
12. An-Nasa'ie, **Sunan An-Nasa'ie**, Juz 7, Beirut: Dar al-Ma'arif

13. Qalyubi wa Umairah, **Hasyiata al-Qalyubi wa 'Umairah Syarh Minhaj at-Thalibin**, Jld.4, Beirut: Dar al-Kutubalpllmiah.
14. As-Sayyid al-Bakri, **Hasyiah I'anat at-Thalibin**, Jld.4, Beirut: Dar al-Fikr.
15. Sulaiman al-As'asy al-Sajastani, **Shahih Sunan Abi Daud**, jld 1, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif
16. At-Thabarani, **Al-Mu'jam at-Tabarani**, jld.3, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
17. Al-Wahbah az-Zuhaili, **Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu**, Jld.1, 1409H/1989, Damsyik: Dar al-Fikr.
18. Yazid al-Qajwini Ibnu Majah, **Sunan Ibn Majah**, Juz 1, Beiru: Ihya' a-Turats.
19. Ibnu Hajar al-Haitami, **Az-Zawajir 'an Iqtiraf al-Kabair**, Juz 2, 1418H/1998, Beirut: Dar al-Fikr,
20. **Ensiklopedi Hukum Islam**, jld.3, 1996, Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoeve,
21. **Fatwa Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam**, Siri 2/67 & Siri 10/63 & Siri 68/89
22. **Jurnal Syariah**, Jilid 2 Bilangan 2 Julai 1994, Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.



PUSAT DA'WAH ISLAMIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



MS ISO 9001 : 2000 REG. NO. AR 4120